

30/10/1998

Guna kelonggaran sebagai insentif: PM

SYARIKAT tempatan harus menggunakan kelonggaran yang ditetapkan kerajaan sebagai insentif untuk menarik lebih banyak ekuiti swasta asing, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang juga Menteri Kewangan Pertama, berkata kerajaan memberi beberapa kelonggaran ke atas pemilikan ekuiti asing dalam sektor tertentu yang sebelum ini terhad 30 peratus.

Antaranya, kata beliau, pemilikan ekuiti asing bagi syarikat perkilangan kini melebihi 30 peratus dan boleh mencapai 100 peratus, telekomunikasi (61 peratus), perhotelan (51 peratus) dan agensi perkapalan (70 peratus).

"Dalam sektor hartanah, pihak asing dibenar memperolehi semua jenis hartanah kediaman, rumah kedai, lot kedai dan ruang pejabat tanpa had bilangan serta tanpa syarat ekuiti, tertakluk kepada beberapa kriteria," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Vincent Lim Kuo Phau (BN-Petaling Jaya Utara) semalam.

(END)